



PEJABAT DAERAH / TANAH KUALA SELANGOR
KOMPLEKS KERAJAAN DAERAH KUALA SELANGOR
JALAN SEMARAK 45000 KUALA SELANGOR
SELANGOR DARUL EHSAN



#KitaSelangor

Ruj Tuan :

Ruj Kami :

Tarikh :

PTKS.(PEN)100/8/1/1 (SD)

30 Ogos 2024

SEPERTI LAMPIRAN

Tuan/Puan

PERLAKSANAAN PENGESAHAN CAP JARI SECARA BIOMETRIK BAGI URUSAN PINDAHMILIK TANAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman Tuan/Puan, bermula pada 01 Oktober 2024 (Selasa) pejabat ini akan melaksanakan penggunaan biometrik bagi setiap urusan pindahmilik tanah yang disaksikan oleh pihak peguam dan lain-lain (merujuk Jadual Kelima KTN 1965 Akta 828) tanpa mengira nilai hartanah yang bernilai lebih dari satu juta seperti sebelum ini.
- Perlaksanaan ini bertujuan untuk mengawal segala bentuk penipuan dan jenayah yang melibatkan pindahmilik untuk menambah baik prosedur sedia ada dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Pentadbiran Tanah Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor.
- Bagi tujuan ini setiap penerima dan pemberi pindahmilik perlu hadir ke pejabat ini untuk mengimbas cap jari dan akan diberikan dokumen pengesahan biometrik, melalui Sistem e-Tanah untuk dilampirkan bersama borang pindahmilik tanah (Borang 14A) semasa membuat perserahan di kaunter atau di Smartbox.
- Urusan ini boleh dilakukan pada ketetapan berikut :

Hari : Setiap hari Isnin hingga Jumaat (melalui temujanji : <https://forms.gle/rYN7k4ToEMCVG5ob6>) atau

kod QR )

Masa : 8.30 pagi – 3.30 petang

Tempat : Kaunter Pendaftaran, Tingkat 1, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

Dilampirkan bersama carta aliran kerja dan senarai semak untuk perhatian dan rujukan pihak Tuan/Puan.

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

6 Perhatian dan tindakan Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.


Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA ”

“MALAYSIA MADANI”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD TIRMIDZY BIN CHE MAT
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Pengurusan Tanah
b.p Pentadbir Tanah
Kuala Selangor

LAMPIRAN

1. Majlis Peguam Malaysia

No. 13,15 & 17, Leboh Pasar Besar

Kuala Lumpur

(u.p.: En. Mohamad Ezri b Abdul Wahab)



2. Majlis Peguam Selangor

No 41, Jalan Bola Jaring 13/15

Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(u.p.: Pn Nurul Muhaniza Binti Hanafi)

Salinan Kepada :

1. Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Bahagian Pendaftaran Hakmilik

Tingkat 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40576 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

(u.p.: En Khairi bin Zaman Huri)

2. Pentadbir Tanah Kuala Selangor

3. Penolong Pentadbir Tanah

Unit Pendaftaran

4. Penolong Pegawai Tadbir

Unit Pendaftaran

5. Ketua Pembantu Tadbir

Unit Pendaftaran

6. Pembantu Tadbir


(PT SPOC & PT Kemasukan)

Unit Pendaftaran

**SENARAI SEMAK URUSAN PENDAFTARAN TANAH
PEJABAT DAERAH /TANAH KUALA SELANGOR**



**URUSAN PENGESAHAN CAP JARI MELALUI SISTEM BIOMETRIK BAGI URUSAN
PINDAHMILIK TANAH**

Bil	PERKARA	PLGN (/)	PEJABAT (/)
1.	Pemberi dan Penerima Pindahmilik (Mengikut individu yang menandatangani borang 14 (Borang Pindahmilik Tanah) – Boleh hadir bersama atau secara berasingan		
2.	Borang 14 A yang asal/salinan yang telah lengkap		
3.	Hakmilik/salinan hakmilik tanah		
4.	<p>Kad Pengenalan Asal Pemberi dan Penerima</p> <p>** Penyata Asal Dokumen pengesahan perlu dilampirkan bersekali dengan borang 14 A sebelum dibuat perserahan di kaunter / Smartbox</p> <p>Waktu urusan :</p> <p>Hari : Setiap hari Isnin dan Jumaat (melalui temujanji : https://forms.gle/rYN7k4ToEMCVG5ob6) atau</p> <p>Kod QR )</p> <p>Masa : 8.30 pagi – 3.30 petang</p> <p>Tempat : Kaunter Pendaftaran, Tingkat 1, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor</p>		

CARTA ALIRAN KERJA PENGESAHAN CAP JARI SECARA BIOMETRIK BAGI URUSAN PINDAHMILIK YANG DISAKSIKAN SELAIN DARI PENTADBIR TANAH



TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA

TEMPOH MASA

